

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS MEGA PERPADUAN 2002

TEMPAT: STADIUM NASIONAL BUKIT JALIL

TARIKH: 26 JAN 2002

MASA:

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat atas daya usahanya mengadakan majlis 'mega perpaduan' ini. Saya juga merakamkan terima kasih atas kesempatan yang telah diberikan kepada saya untuk berucap dalam majlis yang begitu penting dan bermakna bagi seluruh rakyat Malaysia. Saya berharap kita semua akan menjadikan perhimpunan ini sebagai wadah dan peringatan untuk terus meningkatkan lagi semangat perpaduan yang ada dalam diri kita dan juga masyarakat.

2. Sambutan 'mega perpaduan' ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya kita memelihara dan mengekalkan perpaduan di negara ini. Alhamdulillah, kita dapat hidup dalam suasana aman dan tenteram tanpa merasa takut dan bimbang, tidak seperti kehidupan rakyat di negara-negara lain.

3. Tanggungjawab untuk memelihara dan mengekalkan perpaduan bukanlah tanggungjawab Kerajaan atau pihak-pihak tertentu sahaja. Malah setiap daripada kita tidak terkecuali daripada tugas dan tanggungjawab ini. Oleh itu, dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut, kita mestilah sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan masyarakat dan negara serta mampu berfikir dan bertindak secara rasional. Kita juga perlu sedar bahawa apa jua tindakan kita dan walau sekecil mana sekalipun tindakan tersebut, ia tetap akan memberi kesan kepada masyarakat, sama ada baik atau sebaliknya. Oleh yang demikian, janganlah kita bertindak dengan sewenang-wenangnya tanpa berfikir panjang, sebaliknya kita perlu lebih berhati-hati dan berwaspada dalam sebarang tindakan yang hendak kita lakukan, terutamanya yang menyentuh sensitiviti masyarakat di sekeliling kita.

4. Insiden pergaduhan di Jalan Klang Lama merupakan peristiwa yang sangat mendukacitakan kita semua dan insiden ini juga memberi kesan yang begitu mendalam. Insiden ini serta beberapa lagi peristiwa yang menyentuh perpaduan yang berlaku sejak kebelakangan ini memberi mesej penting kepada kita bahawa ikatan perpaduan yang kita bangga-banggakan selama ini sekiranya tidak kita awasi boleh di mana-mana ketika menjadi ibarat 'telur di hujung tanduk'. Walaupun hanya

berlaku salah faham yang kecil dan boleh diselesaikan dengan baik, masyarakat kadang-kadang mudah hilang pertimbangan dan akhirnya membiarkan perasaan dan emosi menguasai diri mereka. Saya berharap peristiwa ini dapat dijadikan sebagai pengajaran dan iktibar oleh semua pihak. Janganlah kita lupa bahawa perpaduan adalah teras kepada kestabilan dan kemakmuran negara.

5. Janganlah kita beranggapan bahawa perpaduan di negara kita telah mantap dan dengan itu kita tidak perlu lagi berusaha untuk mempertingkatkan tahap perpaduan yang sedia ada. Ini merupakan anggapan yang salah sama sekali. Kita perlu sedar bahawa sekiranya perpaduan rapuh dan mudah terjejas, ini akan menyukarkan lagi usaha Kerajaan bersama rakyat untuk membangun dan memajukan negara. Lihat sahaja amalan perpaduan yang sihat di kalangan rakyat telah membawa kejayaan di Indera Kayangan baru-baru ini. Tolaklah perpecahan, sanjunglah perpaduan.

6. Oleh kerana suasana ekonomi negara pada masa sekarang tidak begitu memberangsangkan, maka kita perlu sedar bahawa keupayaan untuk keluar daripada kemelut ini sangat bergantung kepada sejauh mana kita sanggup untuk bersatu, bekerjasama dan berusaha membangunkan negara bersama-sama. Dalam menghadapi situasi ini juga, kita perlulah ada kalanya melupakan soal-soal perbezaan yang ada. Sebaliknya lebih mengutamakan kepada ciri-ciri persamaan yang membolehkan kita berganding bahu ke arah menjana ekonomi negara berteraskan kepada semangat kerjasama antara semua kaum. Insya-Allah, dengan adanya semangat seumpama ini, ekonomi negara akan menjadi lebih kukuh di samping kesejahteraan rakyat dan masa depan anak-anak kita akan lebih terjamin.

7. Apabila memperkatakan tentang peri pentingnya kita bersama-sama memelihara dan mengekalkan perpaduan, saya berasa sungguh sedih dengan tindakan pihak-pihak tertentu yang mengecam dan melemparkan pelbagai tuduhan terhadap Kerajaan. Mereka ini menghasut dan meracuni pemikiran rakyat supaya membenci Kerajaan. Mereka juga menganggap bahawa sesuatu insiden yang berlaku kononnya sandiwara Kerajaan.

8. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak akan bertolak ansur dalam perkara-perkara yang melibatkan keselamatan dan kestabilan negara. Kerajaan akan bertindak tegas untuk membendung sebarang kemungkinan yang boleh menjejaskan maruah negara dan kepentingan rakyat. Namun ini tidak bermakna bahawa Kerajaan tidak toleran atau tidak berpegang kepada prinsip demokrasi, tetapi dalam menghadapi isu-isu yang boleh mengancam kestabilan negara, Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak yang terbabit.

9. Kepada mereka ini, saya ingin menyeru supaya

bersama-sama membantu Kerajaan mengekalkan perpaduan negara dan janganlah cuba memecahbelahkan rakyat hanya kerana kepentingan sendiri kerana ini akan membawa kepada keruntuhan negara kita sendiri.

10. Justeru itu, rakyat perlu sedar agar tidak mudah dipengaruhi oleh pandangan agama dan politik yang sempit seperti yang diamalkan oleh pihak-pihak tertentu. Sebaliknya kita perlu mempertingkatkan semangat perpaduan dan kerjasama serta bertindak secara lebih matang dan rasional tanpa mengikut perasaan dan emosi semata-mata.

11. Semua pihak juga haruslah bekerja dengan lebih keras dan bersungguh-sungguh agar apa jua ketegangan dan perselisihan yang timbul baik daripada segi politik, ekonomi, agama dan budaya dapat dikawal. Usaha-usaha ke arah pemantapan perpaduan yang berkesan dan komprehensif perlu dilaksanakan secara berterusan agar permasalahan-permasalahan yang timbul dalam masyarakat dapat segera diredakan agar tidak membawa kepada masalah perpaduan yang berterusan.

12. Masyarakat yang tinggal dalam satu-satu kawasan mestilah saling kenal mengenali antara satu sama lain agar tidak timbul salah faham antara mereka. Budaya hormat menghormati, saling membantu dan bertolak ansur mestilah senantiasa diamalkan.

13. Dalam hubungan ini, rukun tetangga merupakan antara institusi sosial yang memainkan peranan penting untuk menjana semangat perpaduan di kalangan masyarakat. Di samping itu, rukun tetangga juga berfungsi untuk memantau dan menyelesaikan isu-isu yang berlaku di peringkat akar umbi sebelum ia menjadi lebih buruk dan melarat.

14. Justeru itu, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hendaklah memperbanyakkan lagi penubuhan rukun tetangga di seluruh negara khususnya di kawasan-kawasan yang mempunyai risiko tinggi berlakunya konflik. Selain itu, peranan rukun tetangga juga hendaklah diperluaskan meliputi khidmat sosial yang lain agar kita dapat melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Kerajaan akan terus memberikan sokongan padu di samping menyalurkan lebih banyak bantuan kepada rukun tetangga dalam melaksana dan menjayakan program-program atau aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Saya juga ingin menyeru seluruh masyarakat agar melibatkan diri secara lebih aktif dalam program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan ini.

15. Bersempena dengan sambutan Mega Perpaduan ini, marilah kita bersama-sama berusaha untuk meningkatkan lagi persefahaman dan semangat perpaduan di antara kita. Tanpa perpaduan, negara kita tidak akan berupaya untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Jika keadaan

ini berlaku, maka yang rugi adalah diri kita sendiri.

16. Sebagai rakyat Malaysia kita mestilah mempunyai kemahuan yang tinggi serta sanggup mempertahankan maruah bangsa dan negara. Bersama-samalah kita memadu tenaga dan fikiran untuk kesejahteraan negara kita. Insya-Allah.

17. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan majlis Mega Perpaduan 2002.